



GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEROLEHAN PUSAT PENGURUSAN MAKMAL BERPUSAT (CLMC), UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



Tarikh Kuatkuasa	:	04 Jun 2025
Kelulusan	:	JKPU Bil. 19/2025
Versi	:	01 / 2025
Disediakan oleh	:	Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), UniSZA Pejabat Penasihat Undang-Undang UniSZA

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	1
2.0	SKOP PEMAKAIAN	1
3.0	DAFTAR ISTILAH DAN TAKRIFAN	1 - 2
4.0	PEROLEHAN	2 - 3
	LAMPIRAN A	4 - 5

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEROLEHAN PUSAT PENGURUSAN MAKMAL BERPUSAT (CLMC), UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Pengurusan Perolehan Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), Universiti Sultan Zainal Abidin ("**Garis Panduan ini**") menerangkan proses pengurusan perolehan oleh Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC).

2.0 SKOP PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hanya terpakai kepada perolehan oleh CLMC untuk makmal yang berada di bawah seliaan dan tanggungjawab CLMC.

3.0 DAFTAR ISTILAH DAN TAKRIFAN

3.1 Daftar Istilah

"CLMC"	Pusat Pengurusan Makmal Berpusat, Universiti Sultan Zainal Abidin.
---------------	--

"UniSZA"	Universiti Sultan Zainal Abidin
-----------------	---------------------------------

3.2 Takrifan

"Garis Panduan ini" ertinya Garis Panduan Pengurusan Perolehan Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), Universiti Sultan Zainal Abidin.

“Makmal” ertinya makmal yang berada di bawah seliaan dan tanggungjawab CLMC.

“Seksyen Aset dan Bahan CLMC” atau yang dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana ditentukan oleh CLMC dari semasa ke semasa, ertinya seksyen yang menguruskan permohonan perolehan bagi CLMC dan menguruskan penyelenggaraan alatan Makmal.

4.0 PEROLEHAN

4.1 Seksyen Aset dan Bahan CLMC adalah bertanggungjawab untuk–

- (a) menyediakan data keperluan tahunan perolehan setiap Makmal; dan
- (b) menguruskan perolehan tersebut berdasarkan tatacara perolehan UniSZA.

4.2 Data keperluan tahunan perolehan setiap Makmal di bawah Perenggan 4.1(a) adalah diperolehi–

- (a) berdasarkan permohonan daripada Pusat Tanggungjawab UniSZA yang menerima perkhidmatan daripada CLMC; dan
- (b) bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran amali di Makmal dan juga projek pelajar tahun akhir (FYP) sahaja.

Bagi perolehan bekalan, perolehan hanya boleh dibuat untuk bahan kimia, bahan pakai buang, radas kaca dan alatan makmal sahaja. Walau bagaimanapun, perolehan bagi bahan atau aset selain daripada yang tersebut di atas adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah CLMC.

4.5 Mana-mana Pusat Tanggungjawab yang menerima perkhidmatan daripada CLMC boleh membuat permohonan bagi perolehan bekalan atau aset dengan

menggunakan Borang Keperluan Kelas Amali dan FYP di aplikasi iUniSZA smartLAB.

4.6 Permohonan di bawah Perenggan 4.2(a)–

(a) hendaklah dihantar dalam tempoh yang ditetapkan oleh CLMC dari semasa ke semasa; dan

(b) sekiranya bagi tujuan projek pelajar tahun akhir (FYP), dihadkan sepertimana dalam **Lampiran A**, Garis Panduan ini.

4.7 Selaras dengan dasar penjimatan UniSZA, pengguna Makmal disarankan untuk mempraktikkan penjimatan dalam mengendalikan dan menggunakan sumber makmal yang sedia ada.

LAMPIRAN A

SENARAI BAHAN YANG TIDAK AKAN DIBELI OLEH PIHAK CLMC

1. Kit
2. Ready-made buffer
3. Bahan kimia Poison A
4. Certified Reference Material (CRM)
5. Perchloric acid
6. Bahan Kimia yang mengandungi Radioactive
7. Enzyme yang melebihi RM1000 per unit
8. Food grade chemical yang tidak digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
9. Bahan mentah berasaskan haiwan dan tumbuhan
10. Mikroorganisma yang sudah ada dalam stok

SENARAI BAHAN PAKAI HABIS YANG DIHADKAN PERMOHONAN KEPADA PELAJAR *FINAL YEAR PROJECT (FYP)*

1. Petri Dish = 150 unit/pelajar
2. Fibrebag = 12 unit/pelajar
3. Well plate 6 dan 96 = 10 unit/pelajar
4. Flask 25 cm³ & 75cm³ (tissue culture) = 10 unit/pelajar
5. Centrifuge tube (15 ml dan 50 ml) = 15 unit/pelajar
6. Serological pipette 10ml = 10 unit/pelajar

**SENARAI BAHAN KIMIA UMUM YANG DIHADKAN PERMOHONAN KEPADA
PELAJAR *FINAL YEAR PROJECT* (FYP)**

1. Methanol = 1botol (2.5L)
2. Ethanol = 1botol (2.5L)
3. Acetone = 1botol (2.5L)
4. Chloroform = 1botol (2.5L)
5. Hexane = 1botol (2.5L)
6. Heptane = 1botol (2.5L)
7. Dichloromethane = 1botol (2.5L)
8. RPMI Media+FBS+PENSTREP = 1botol(500ml)
9. DMEM Media+FBS+PENSTREP = 1botol(500ml)
10. Trypsin = 1 botol